



## **POLISI PENCEGAHAN PERHAMBAAN DAN PEMERDAGANGAN MANUSIA**

### **Penyataan Polisi**

- Perhambaan moden adalah satu jenayah dan pelanggaran hak asasi manusia. Ini boleh terjadi dalam pelbagai bentuk seperti, perhambaan, pengabdian, buruh paksa dan buruh wajib, dan pemerdagangan manusia.
- Kesemua yang disebutkan di atas mempunyai satu takrifan yang sama, iaitu menafikan kebebasan seseorang oleh seseorang yang lain bagi mengeksplotasi mereka untuk kepentingan peribadi atau komersial.
- Kami mempunyai pendekatan toleransi sifar kepada perhambaan moden dan kami komited untuk bertindak secara beretika dan dengan integriti dalam semua urusan dan hubungan perniagaan kami.
- Kami komited untuk melaksana dan menguatkuasakan sistem dan kawalan berkesan untuk memastikan perhambaan moden tidak berlaku dalam mana-mana perniagaan kami atau dalam mana-mana rantaian pembekalan kami.
- Kami komited juga dalam memastikan terdapat ketelusan dalam perniagaan dan pendekatan kami untuk menangani perhambaan moden di sepanjang rantaian pembekalan kami.
- Kami mengharapkan standard tinggi yang sama daripada semua pembekal dan rakan perniagaan lain kami untuk menggunakan larangan dan sekatan spesifik terhadap penggunaan buruh paksa, buruh wajib atau pemerdagangan manusia atau mana-mana orang yang ditahan dalam perhambaan atau pengabdian, sama ada dewasa atau kanak-kanak.
- Kami mengharapkan juga pembekal kami akan memastikan pembekal mereka mematuhi standard yang sama.
- Polisi ini terpakai kepada semua orang yang bekerja untuk kami dan bagi pihak kami dalam apa-apa jawatan, termasuk kakitangan di semua peringkat, pengarah, pegawai, pekerja praktikal, kontraktor, perunding luaran, wakil pihak ketiga dan rakan perniagaan.
- Polisi ini boleh dipinda pada bila-bila masa.